

18 AUG 2003

Mahathir-Islam/I

M'SIA SEDIA KONGSI PENGETAHUAN UNTUK BANTU SAUDARA ISLAM

Oleh: Mokhtar Hussain

DAMSYIK, 18 Ogos (Bernama) -- Malaysia sedia berkongsi pengalamannya dengan mana-mana negara khasnya saudara Islam dalam merumuskan strategi dan dasar yang membolehkan mereka membangun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia "mendedahkan semua" pencapaiannya dalam membantu negara-negara lain membangun.

"Kami sedia menunjukkan segala yang telah kami lakukan dan itu termasuk strategi, dasar, undang-undang, sistem dan amalan yang mana sesuai dengan Syria," katanya semasa persidangan berita bersama Perdana Menteri Syria Mustapha Mero. Persidangan berita itu diadakan selepas mesyuarat delegasi kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan wartawan Arab mengenai bagaimana Malaysia boleh membantu Syria untuk memajukan republik Arab itu.

Seperti Syria, beliau menjelaskan Malaysia juga pada mulanya tidak mempunyai pengetahuan teknologi dan juga kemahiran pengurusan modal dan kefahaman mengenai pasaran dunia.

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia telah menggalakkan pelaburan asing dan dalam proses itu, rakyatnya berjaya kuasai pengetahuan teknologi dan aspek pemasaran.

"Jadi jikapun Syria tidak mempunyai teknologi pada masa ini, jika ia sedia mengadakan usahasama dan benarkan pelaburan asing, mereka juga boleh belajar dan kuasai teknologi.

Hari ini, syarikat-syarikat Malaysia dapat mengeluarkan semua barang yang pada satu masa dahulu memerlukan pelabur asing," katanya.

Dr Mahathir tiba di sini semalam bagi lawatan rasmi dua hari atas jemputan Presiden Dr Bashar Al-Assad. Sementara berada di sini, beliau menyaksikan majlis menandatangani 12 MoU dan perjanjian antara kedua-dua kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta.

MoU itu antaranya membabitkan Bank Negara Malaysia dan Bank Pusat Syria; Proton Berhad dan Modern Technology; Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan Syria; dan perjanjian bagi pertukaran berita antara Pertubuhan Berita Nasional (Bernama) dan Agensi Berita Arab Syria (SANA).

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata negara-negara membangun harus bekerjasama supaya globalisasi membawa manfaat kepada mereka di sebaliknya hanya menguntungkan negara-negara yang kaya dan berkuasa.

"Tafsiran semasa mengenainya (globalisasi) hanya menguntungkan yang kaya dan berkuasa dengan negara-negara miskin terdedah kepada penindasan seperti yang berlaku semasa krisis kewangan Asia pada 1997," katanya.

Ditanya mengenai keadaan di Asia Barat khasnya Iraq dan konflik Arab-Israel, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak senang dengan perkembangan di rantau itu dan berkata puncanya ialah penubuhan negara Israel di atas bumi Palestin.

"Kita mungkin tidak dapat halang kewujudan Israel tetapi bagi mencapai keamanan di rantau ini, Israel mesti menarik balik tenteranya dan benarkan rakyat Palestin yang diusir dan hidup sebagai pelarian di luar negara untuk kembali. Selepas itu tidak lagi harus berlaku serangan terhadap penduduk sama ada oleh tentera Arab atau Israel," katanya.

Dr Mahathir juga mengulas mengenai pelan keamanan yang diusahakan oleh Amerika Syarikat dengan berkata ia tidak lengkap kerana Palestin ditinggalkan

daripada jiran-jirannya termasuk Syria.

Beliau berkata, isu-isu mengenai Palestin dan situasi di Iraq dibincangkan semasa pertemuan beliau bersama Presiden Assad dan Dr Mahathir berharap dapat bertemu lagi dengan presiden itu.

Sementara itu mengenai kemungkinan Amerika Syarikat memohon ekstradisi terhadap isteri ketua kumpulan militan Jemaah Islamiah yang kini berada dalam tahanan polis Malaysia, Dr Mahathir berkata sehingga ini tiada permintaan daripada Amerika dan Malaysia akan menguruskan perkara itu apabila terdapat permintaan baginya.

Hambali dan isterinya Noralwizah Lee Abdullah @ Lee Yin Len ditahan oleh pihak berkuasa Thailand dan Amerika Syarikat di Ayutthaya, di utara Bangkok, pada Isnin lepas.

Noralwizah diserahkan kepada pihak berkuasa Malaysia untuk siasatan lanjut.

Kepada satu soalan oleh seorang wartawan Malaysia, Perdana Menteri Syria Mustapha Mero berkata beliau percaya Malaysia boleh memainkan peranan dalam menyatukan dunia Islam khususnya dengan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Mustapha berkata ia boleh dicapai di bawah kepimpinan Dr Mahathir yang menurutnya "mempunyai sikap dan minat yang tinggi terhadap seluruh dunia Islam".

-- BERNAMA

MOK JM PR